

SIARAN MEDIA

PROGRAM JANGKAUAN OTM: *SOUNDS OF MALAYSIA* SEMPURNAKAN MALAM PENUTUP FESTIVAL IDEA PUTRAJAYA 2025

PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER 2025 – Program Jangkauan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM): *Sounds of Malaysia* yang merupakan program *signature* Istana Budaya sempurnakan malam penutup Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Istana Budaya di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berfungsi untuk mengangkat seni pementasan/program tari, muzik dan teater ke tahap yang cemerlang dan profesional. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga menyambut baik hasrat Istana Budaya dalam berkolaborasi menjayakan persembahan malam penutup FOI 2025 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) UPM dilantik oleh KPT sebagai rakan strategik bersama Istana Budaya sebagai penyelaras keperluan bakat (*talent*) bagi universiti awam.

Sounds of Malaysia di PICC sempena FOI 2025 ini merupakan satu lambang kemuncak kejayaan OTM dalam matlamat untuk memberikan pendedahan mengenai kepentingan mempelajari warisan budaya khususnya melalui alat muzik tradisional Malaysia kepada warga kampus khususnya di peringkat institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS).

Sehingga kini, sebanyak lapan (8) universiti IPTA dan IPTS telah berjaya menyempurnakan kolaborasi serta kerjasama bersama Istana Budaya sejak dari tahun 2023. Antara universiti-universiti yang terlibat adalah Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Management & Sains University (MSU), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Multimedia (MMU) dan Univesity College Sedaya International (UCSI). Justeru, UPM pada siri kali ini merupakan kolaborasi yang kedua pernah diadakan bersama.

Kolaborasi antara KPT, UPM dan Istana Budaya ini menyatukan dunia pendidikan dan kesenian, membentuk keseimbangan antara ilmu dan jiwa bangsa. Ia bukan sekadar

persembahan seni, tetapi wadah untuk memupuk semangat kebangsaan serta memperkayakan nilai kemanusiaan dalam kalangan mahasiswa.

Encik Johan Cruyff@Mohd Johari bin Md Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Istana Budaya, menyatakan bahawa “komitmen berterusan OTM dalam memartabatkan seni muzik tradisional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, seiring dengan ulang tahun ke-15 penubuhannya tahun ini.”

Idea asal program *Sounds of Malaysia* ini diasaskan oleh Allahyarham Mohd Yazid bin Zakaria yang juga merupakan pengasas utama penubuhan OTM sejak dari tahun 2010. Majlis ini turut diselitkan segmen belasungkawa menerusi lagu Musafir Rindu bagi memberi penghormatan kepada Allahyarham Mohd Yazid Zakaria, Pengarah Muzik dan Konduktor OTM yang telah kembali ke rahmatullah pada 29 Oktober 2025. Sumbangan Allahyarham selama lebih dua dekad dalam memartabatkan muzik tradisional negara diraikan sebagai legasi besar kepada dunia seni tanah air.

Kini, Encik Shamsul Zin menggalas tanggungjawab meneruskan amanah untuk memimpin persembahan pada malam ini.

Sounds of Malaysia edisi FOI 2025 ini merupakan penglibatan jumlah produksi terbesar sepanjang program ini dianjurkan dengan seramai 120 orang tenaga kerja dari Istana Budaya termasuklah pemuzik OTM, Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) dan Artis Tari Istana Budaya (ARTISTANA). Manakala lebih 150 orang terdiri daripada pelajar, mahasiswa dan tenaga akademik turut terlibat secara langsung seperti penyanyi, penari, pemuzik, koir dan kru produksi. Sebanyak 12 universiti bersatu dalam satu pentas menjadikannya satu manifestasi kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan industri kreatif negara. Antara universiti-universiti yang terlibat menjayakan malam penutup FOI 2025 ini adalah seperti UPM, UKM, UiTM, UNIMAS, UPSI, Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan UCSI sebagai wakil tunggal universiti swasta.

Program ini terbahagi kepada dua (2) segmen, iaitu segmen pertama memperlihatkan persembahan muzik dari OTM, ARTISTANA dan pemuzik, penari, penyanyi serta kumpulan persembahan dari pelbagai bakat dari IPTA dan IPTS.

Gabungan alat-alat muzik tradisional Malaysia yang dimainkan adalah seperti Akordian, Saron Baron, Saron Pekin, Serunai/Rebana, Sape, Sitar, Seruling, Gambus, Gendang Sunda, Keromong, Tabla/Darbuka, Seruling, Gambang, Mandolin,

Caklempong, Yanqin dan Guzheng. Sebanyak 23 lagu dimainkan yang terdiri daripada alunan muzik tradisional, lagu klasik melayu, lagu dari barat, medley serta lagu-lagu pop terkini yang diminati generasi sekarang.

Majlis turut diserikan dengan barisan penyanyi terkenal tanah air seperti Aina Abdul, Khai Bahar dan Liza Hanim dengan menampilkan lagu-lagu ikonik seperti Merawat Luka Terpendam, Gelisah Mimpi, Luluh, Bayang, Jangan Mati Rasa Itu, Sesaat, Kamu dan Nafas Cinta.

Untuk maklumat lebih lanjut, orang awam boleh melayari portal dan di setiap platform media sosial Istana Budaya atau menghubungi Unit Perhubungan Awam, Istana Budaya melalui e-mel info@istanabudaya.gov.my atau di talian 03-4026 5555.

###

**Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA**

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: @istanabudaya & TikTok: @istanabudayaofficial